



TIMBA ILMU...Azreen Keria, penuntut universiti swasta melihat sejarah pembentukan dan alat digunakan Sarawak Energy pada tahun 1920 di muzium Sarawak Energy.

Buka pintu peluang kerja

Unimas bantu pengunjung pilih bidang diminati

>>Oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail

rabiatul@hmetro.com.my

KOTA SAMARAHAN: Bagi pelajar yang kekurangan maklumat dan masih tercari-cari peluang melanjutkan pelajaran dan memilih bidang kerjaya sesuai, boleh berkunjung ke Karnival K4U2012 di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini, berlangsung dari 28 November hingga 1 Disember depan.

Dekan Pusat Pembangunan Pelajar Unimas, Rusli Ahmad berkata, karnival itu membuka peluang kepada pengunjung meneroka peluang kerjaya, keusahawanan dan kerohanian.

Katanya, ia bukan saja terbuka untuk pelajar institut

pengajian tinggi (IPT), malah terbuka kepada semua peringkat umur termasuk ibu bapa.

"Sekiranya anda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mana-mana lepasan institusi pengajian tinggi (IPT), karnival ini menjanjikan peluang untuk mengetahui kerjaya, melanjutkan pelajaran, mendalami bidang keusahawanan dan mengasah minda serta bakat dalam aspek kokurikulum."

"Selain itu, ibu bapa dan pelajar IPT sendiri boleh menambah ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman serta kepakaran pada diri masing-masing," katanya.

Rusli berkata, karnival itu peluang terbaik untuk menterjemahkan konsep universiti komuniti kerana ketika

berlangsung karnival, Unimas sebagai sebuah universiti terulung di negeri ini membuka pintu kepada semua.

"Ketika ini masyarakat luar hanya berpeluang melawat kampus Unimas apabila berlangsung acara besar dan sudah tentu tiada peluang meneroka peluang yang ada."

"Harapan kami untuk mewujudkan hubungan dan jalinan pintar antara komuniti dengan Unimas, menghilangkan jurang yang ada selama ini selain memberi peluang kepada mereka merasai kehidupan warga kampus."

"Konsep empat dalam satu diharapkan mendatangkan manfaat kepada semua pihak dengan keunikan serta kelainan tersendiri," kata dia.